

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP) SECARA BERSEMUKA DI RUANG PEMBELAJARAN FAKULTI KEJURUTERAAN, UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**1.0 PENGENALAN**

- 1.1 Kenyataan Media oleh Menteri Pengajian Tinggi pada 31 Disember 2020 menyatakan bahawa Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 23 Disember 2020 telah meluluskan cadangan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk membenarkan pelajar tempatan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) kembali ke kampus secara berfasa mengikut IPT masing-masing **seawal 1 Mac 2021**.
- 1.2 MKN juga telah meluluskan cadangan KPT untuk membenarkan kemasukan semua pelajar antarabangsa sedia ada dan baharu di IPTA dan IPTS **KECUALI** dari United Kingdom (UK) **seawal 1 Januari 2021**.
- 1.3 Keputusan membenarkan kemasukan pelajar ke IPT secara fizikal adalah bagi membolehkan pelajar tempatan dan antarabangsa mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara hibrid, iaitu secara bersemuka dan dalam talian. Keputusan ini juga selari dengan hasrat kerajaan untuk memastikan kualiti pendidikan tinggi negara terjamin.
- 1.4 Bagi Fakulti Kejuruteraan, PdP secara bersemuka perlu dilaksanakan atas justifikasi berikut:
  - (i) Program kejuruteraan merupakan program profesional yang dipantau oleh badan profesional;
  - (ii) Banyak kursus yang memerlukan penggunaan makmal secara *hands-on*;
  - (iii) Memastikan pelajar mencapai *Course Outcome* (CO), *Program Outcome* (PO) dan akhirnya mencapai *Program Educational Objectives* (PEO).
  - (iv) Memastikan kualiti penyampaian PdP yang berkesan bagi kesemua kursus teras kejuruteraan.

## **2.0 OBJEKTIF**

- 2.1 Prosedur Operasi Standard (SOP) ini bertujuan untuk menerangkan dengan lebih jelas tentang pelaksanaan PdP secara bersemuka di ruang pembelajaran Fakulti Kejuruteraan dengan mengambil kira langkah-langkah keselamatan dan pencegahan penularan wabak Covid-19 semasa dan pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
- 2.2 Memastikan setiap langkah keselamatan yang diambil mematuhi garis panduan yang jelas agar pelajar dapat mengikuti pembelajaran dalam suasana yang kondusif dan selamat seperti berikut:
  - (i) Memastikan pengurusan dan pelaksanaan PdP secara bersemuka di Fakulti Kejuruteraan mematuhi langkah keselamatan bagi mencegah penularan wabak Covid-19 sebagaimana yang digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO), dan
  - (ii) Memastikan pelaksanaan PdP secara bersemuka tercapai dengan optimum dan bersesuaian dalam keadaan semasa.
- 2.3 Prosedur Operasi Standard (SOP) ini akan menjadi dokumen rujukan semua staf dan pelajar di Fakulti Kejuruteraan.

## **3.0 SKOP**

- 3.1 Prosedur ini meliputi pelaksanaan PdP di ruang PdP (bilik tutorial, makmal dan bengkel) dan ruang gunasama (Perpustakaan, surau, kafeteria, tandas, ruang legar dan seumpamanya).
- 3.2 Bagi tujuan penyelarasan, Prosedur Operasi Standard (SOP) ini hendaklah dibaca bersama dengan Peraturan, Garis Panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) berikut:
  - (i) Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Operasi Institusi Pendidikan Tinggi Semasa Dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) wabak Covid-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.
  - (ii) Garis Panduan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Semasa Dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid 19 di Universiti Malaysia Sabah.
  - (iii) Garis Panduan Bekerja Norma Baharu Universiti Malaysia Sabah.

- (iv) Garis Panduan Penyelidikan (Dalam Makmal) Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19 Di Universiti Malaysia Sabah.
- (v) Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengajaran dan Pembelajaran Pelajar Tahun Akhir di Klinik, Makmal, Studio, Bengkel dan Praktikal Di Universiti Malaysia Sabah.

#### **4.0 TANGGUNGJAWAB**

Prosedur ini terpakai kepada semua staf dan pelajar Fakulti Kejuruteraan

#### **5.0 KATEGORI AKTIVITI PdP YANG DIBENARKAN**

- (i) PdP secara bersemuka dilaksanakan di kampus dengan pematuhan SOP yang ketat.
- (ii) Mod PdP secara dalam talian akan diteruskan bagi kursus yang bersesuaian sebagai pelengkap keseluruhan program pengajian.
- (iii) PdP dilaksanakan secara hibrid iaitu secara bersemuka dan dalam talian bagi pelajar yang berada di kampus.
- (iv) Aktiviti penyelidikan boleh dilaksanakan dengan pematuhan SOP yang ketat.

#### **6.0 AKTIVITI PdP YANG TIDAK DIBENARKAN**

Aktiviti kelab, persatuan, sukan dan ko-kurikulum yang dilaksanakan secara bersemuka dan berkumpul terutama yang melibatkan jumlah penyertaan yang ramai.

#### **7.0 KATEGORI PELAJAR YANG DIBENARKAN MENGIKUTI PdP SECARA BERSEMUKA**

Semua pelajar program Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Pascasiswazah Fakulti Kejuruteraan.

#### **8.0 AKTIVITI DAN PROTOKOL**

<b>TINDAKAN</b>	<b>PENERANGAN RINGKAS</b>
Garis Panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) berkaitan	Semua staf dan pelajar juga perlu mematuhi Garis Panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Operasi Institusi Pendidikan Tinggi Semasa Dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) wabak</li> </ul>

<b>TINDAKAN</b>	<b>PENERANGAN RINGKAS</b>
	<p>Covid-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.</p> <p>(ii) Garis Panduan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Semasa Dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid 19 di Universiti Malaysia Sabah.</p> <p>(iii) Garis Panduan Bekerja Norma Baharu Universiti Malaysia Sabah.</p> <p>(iv) Garis Panduan Penyelidikan (Dalam Makmal) Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19 Di Universiti Malaysia Sabah.</p> <p>(v) Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengajaran dan Pembelajaran Pelajar Tahun Akhir di Klinik, Makmal, Studio, Bengkel dan Praktikal Di Universiti Malaysia Sabah.</p>
Daftar Kehadiran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan QR Code SMART-Hadir di pintu utama bangunan fakulti dan di pintu ruang PdP.</li> <li>• Merekod kehadiran menggunakan aplikasi SMART-Hadir.</li> </ul>
Mengambil Suhu Badan serta Melakukan Saringan Gejala	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat pemeriksaan suhu badan di pintu masuk utama bangunan fakulti dan ruang PdP.</li> <li>• Individu dengan suhu badan <math>&gt;37.5^{\circ}\text{C}</math> atau mempunyai gejala batuk, selesema, sakit tekak atau susah bernafas tidak dibenarkan masuk ke bangunan fakulti dan mana-mana ruang PdP.</li> </ul>
Laporan Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Individu dengan suhu badan <math>&gt;37.5^{\circ}\text{C}</math> atau mempunyai gejala batuk, selesema, sakit tekak atau susah bernafas hendaklah dirujuk ke Pusat Rawatan Warga (PRW) Universiti Malaysia Sabah atau Klinik Kesihatan yang berdekatan.</li> <li>• Fakulti akan membuat laporan kepada Universiti Malaysia Sabah dan pihak Universiti seterusnya membuat laporan kepada Pejabat Kesihatan yang berdekatan sekiranya mana-mana pelajar disyaki mempunyai simptom Covid-19.</li> </ul>

<b>TINDAKAN</b>	<b>PENERANGAN RINGKAS</b>
Penjarakan Fizikal	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.</li> <li>• Mengelakkan 3S (Sesak, Sempit dan Sembang Dekat).</li> </ul>
Kebersihan Tangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan sabun dan air atau <i>hand sanitizer</i>.</li> <li>• Memastikan tangan dibersihkan dengan kerap.</li> </ul>
Pembersihan dan Nyah Cemar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Fakulti akan melakukan pembersihan dan disinfeksi di permukaan yang mudah dicemari kuman seperti permukaan meja, tombol pintu, papan kekunci (keyboard), tetikus (mouse) dan lain-lain yang berkaitan mengikut keperluan.</li> </ul>
Operasi Penggunaan Ruang PdP (bilik tutorial, makmal dan bengkel)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan garis panduan penjarakan fizikal disediakan seperti tanda jarak 1 meter di lantai, meja dan kerusi dilaksanakan mengikut keluasan ruang PdP.</li> <li>• Pemakaian pelitup muka (face mask) oleh setiap pelajar dan staf di ruang PdP adalah diwajibkan.</li> <li>• Memakai kot makmal, kasut keselamatan, kaca mata keselamatan dan mana-mana yang berkaitan mengikut peraturan makmal dan bengkel berkenaan.</li> <li>• Sebarang aktiviti PdP hendaklah dilakukan dengan mengamalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter dan mengelakkan berada di tempat yang sempit.</li> </ul>
Operasi Penggunaan Ruang Guna Sama (Perpustakaan, surau, kafeteria, tandas, ruang legar dan seumpamanya)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan garis panduan penjarakan fizikal disediakan seperti tanda jarak 1 meter di lantai, meja dan kerusi dilaksanakan.</li> <li>• Pemakaian pelitup muka (face mask) oleh setiap pelajar dan staf di ruang guna sama adalah diwajibkan.</li> <li>• Penggunaan tandas perlu dihadkan mengikut jumlah bilik tandas yang ada pada satu-satu masa dan memastikan sabun disediakan.</li> <li>• Penggunaan ruang solat perlu dihadkan pada satu-satu masa mengikut keluasan saiz ruang.</li> <li>• Pelajar perlu membawa peralatan solat sendiri dan elakkan berkongsi.</li> </ul>

<b>TINDAKAN</b>	<b>PENERANGAN RINGKAS</b>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan lantai kafeteria ditanda dan pelajar mematuhi penjarakan fizikal. Meja disusun dengan jarak 1 meter dan ditandakan supaya penjarakan fizikal kekal antara pelajar.</li> </ul>
<p>Pemantauan oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Fakulti</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat pemantauan berkala mengikut jadual bertugas yang ditetapkan.</li> <li>• Menyediakan laporan pematuhan SOP setiap minggu kepada Pengurusan Fakulti Kejuruteraan.</li> </ul>